

KESAN PENEKANAN TERHADAP PENDIDIKAN SEKULAR

Oleh:
Asnuurien Najma Binti Ahmad
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka

PENDAHULUAN

Globalisasi yang berlaku dalam dunia hari ini telah membawa masyarakat kepada unsur-unsur modenisasi. Kita semakin jauh dari tujuan kehidupan yang sebenar sebagai Khalifah di muka bumi. Lantaran itu, kehidupan masyarakat masa kini telah dipengaruhi dengan pelbagai ideologi yang berbahaya. Antara ideologi atau fahaman yang menguasai masyarakat sekarang ialah sekularisme.

Sekularisme adalah berasal daripada perkataan sekular yang berkaitan dengan keduniaan, bersifat duniawi dan tidak berkaitan dengan keagamaan. Manakala sekularisme ialah fahaman yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. Sekularisasi pula merupakan proses yang mengheret manusia keluar dari pegangan agama dan metafizikal. Fahaman ini menular dalam semua aspek kehidupan, politik, budaya dan bahasa (Sabri bin Abd Ghani, 2008).

Pendidikan merupakan salah satu alat utama dalam menyebarkan ideologi ini. Sekularisme dalam pendidikan merujuk kepada dasar bahawa pendidikan mestilah terpisah dengan agama atau tidak ada kena mengena dengan agama atau akhirat atau kemaslahatan manusia di alam yang kekal abadi, atau tidak ada kena mengena dengan pertimbangan-pertimbangan yang timbul daripada kewujudan Tuhan, atau keabadian roh. Berikut dengan itu, pendidikan tidak lagi bertujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, melatih akal, emosi, rohani dan jasmani, serta menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia supaya masyarakat dapat menjalani kehidupannya dengan sempurna dan dapat beramal untuk kebaagiannya diakhirat (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Hal ini dapat dilihat dari pelbagai sudut iaitu kesan pendidikan sekular ke atas individu, masyarakat serta negara itu sendiri.

KESAN PENEKANAN PENDIDIKAN SEKULAR TERHADAP INDIVIDU

Bidang yang paling teruk menerima kesan sekularisasi adalah bidang pendidikan. Hal ini demikian kerana pendidikan adalah merupakan saluran dan alat terpenting untuk mencorakkan haluan hidup manusia itu sendiri. Stamford Raffles adalah seorang pegawai Inggeris yang bertanggungjawab mengemukakan rancangan halus untuk mencapai matlamat tersebut. Beliau telah mengemukakan gagasan pusat Pengajian Asia Tenggara bagi mencapai matlamat ini. Beliau berhasrat untuk melahirkan bangsa-bangsa yang bijaksana dan terpelajar selaku orang suruhan yang jujur kepada sistem pentadbiran penjajah. Ia juga menyarankan supaya pendidikan untuk anak-anak Melayu mestilah menerusi tulisan rumi dalam usaha mengurangkan pengaruh Islam di kalangan orang-orang Melayu.

Kesan penekanan pendidikan sekular ini akan melahirkan individu yang selalu mempersoalkan sistem-sistem Islam yang mana bertentangan dengan fahamannya (Barat). Mereka menganggap nasionalisme, patriotisme dan demokrasi kapitalisme sebagai pemikiran yang benar sehingga tidak kelihatan lagi pemikiran lain di dalamnya, apakah lagi pemikiran Islam. Malah ada yang menganggap bahawa kembali kepada Islam itu memberi makna kembali ke zaman silam yang mundur. Tidak kurang juga yang melihat Islam sebagai pemikiran yang tidak lengkap sehingga ia perlu diselaraskan, atau diubah, sekiranya perlu, agar selaras dengan perkembangan geo-politik dan sosio-ekonomi dunia. Inilah realiti pemikiran kaum Muslimin hari ini akibat dari penerapan ideologi sekularisme yang merosakkan pemikiran mereka.

Begitu juga seseorang yang mendapat pendidikan sekular cenderung kepada pemikiran saintifik, kuantitatif dan logik. Mereka ini sangat mementingkan nasib dan kedudukan dunia berbanding dengan isu-isu yang berkaitan dengan alam akhirat. Mereka juga biasanya mengukur kejayaan dari segi kedudukan pendidikan sekular, jawatan yang disandang dan harta benda. Ijazah dari luar negara, kereta mewah,banglo, akaun bank di dalam dan di luar negeri adalah ukuran penting yang menentukan martabat seseorang itu dalam kelompok ini.

KESAN TERHADAP MASYARAKAT

Sistem pendidikan yang bercorak dikotomi telah menyebabkan lahirnya sekularisme di mana ianya memisahkan agama dari aspek kehidupan dunia. Akibat sistem pendidikan yang bercorak dikotomi ini, maka lahirlah sebuah masyarakat yang sekularisme. Jika dilihat, impak besar dalam masyarakat akibat sekularisme adalah melahirkan satu kelompok yang memusuhi syari'at Islam sendiri. Hal ini demikian kerana, sekularisme sebenarnya bertujuan untuk memisahkan antara dunia dengan agama dalam diri setiap individu khususnya dalam bab-bab syariat atau hukum-hakam agama.

Sebagai contoh, sekularisme Attarturk yang telah berjaya mengetepikan syariat Islam dari semua aspek dan bidang kehidupan masyarakat termasuklah soal hukum-hakam sehingga mengeluarkan pendapat untuk mengharamkan talak dan poligami serta menyamakan bahagian perwarisan harta antara lelaki dengan perempuan yang jelas-jelasnya bertentangan dengan ketepatan syariah yang pasti dalam al-Quran. Hal ini jelas menunjukkan kesan sekularisme itu akan melahirkan sebuah kelompok atau masyarakat yang memusuhi agama dan menolak hukum-hakam dalam dirinya kerana golongan ini telah terpengaruh dengan idea sekularisme yang diasaskan oleh barat dengan tujuan untuk merosakkan umat Islam itu sendiri.

Perkara sebeginilah yang menjadi pegangan kebanyakan masyarakat Islam hari ini dengan memperkatakan bahawa hukum syariah kini seperti hukum hudud, undang-undang jenayah Islam, undang-undang keluarga Islam sudah tidak relevan lagi dengan zaman kini dan ianya perlulah diubah semula. Sehingga timbulnya satu golongan yang cuba untuk mentafsirkan al-Quran mengikut pemikiran mereka sendiri dan mengikut peredaran zaman. Hal ini jelas menunjukkan pengaruh sekularisme ini telah menular dalam pemikiran masyarakat Islam hari ni akibat pendidikan yang bercorak dikotomi ini. Sebagai contoh dapat dilihat di negara sebelah utara Afrika, di mana impak sekularisme ini mereka telah meniru gaya sekularisme barat terutama dalam hal nikah dan talak.

KESAN TERHADAP NEGARA

Kesan dari fenomena ini terhadap negara dari sudut sektor pekerjaan adalah kredibiliti pekerja-pekerja di Malaysia semakin terhakis sehingga mengakibatkan sesuatu sektor itu tidak berfungsi secara efisien. Masyarakat pekerja melihat pendidikan sebagai segulung ijazah yang perlu dimiliki bagi meletakkan diri seiring dengan perkembangan pesat negara serta mampu menguasai kemahiran teknologi. Persepsi ini lahir dari pendidikan sekular yang mampu melahirkan individu masyarakat yang bijak pandai menguasai sains teknologi melalui pendidikan umum yang diterimanya tetapi gagal membentuk keperibadian individu dan penguasaan ilmu agama. Jika dilihat senario sekarang, terdapat ramai pekerja-pekerja negara kita yang tidak amanah dalam menjalankan tugas.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Badan Pencegah Rasuah, kes rasuah semakin meningkat saban tahun. Statistik siasatan kes rasuah pada tahun 2006 adalah sebanyak 578 kes manakala pada tahun 2007 sebanyak 590 kes. Kebanyakannya berlaku dalam sektor pertahanan dan keselamatan seperti polis, pegawai kastam dan imigresen, dan pegawai Majlis Perbandaran. Lebih menyedihkan lagi, rasuah juga terdapat dalam bidang pendidikan.

Pekerja-pekerja profesional sekarang tidak mampu untuk menerapkan nilai-nilai moral yang terkandung dalam agama Islam dalam kehidupan harian mereka khususnya dalam pekerjaan mereka. Mereka berlumba-lumba mencari harta kekayaan dunia tanpa menghiraukan hukum-hakam agama. Pegawai polis yang tidak amanah dalam berkhidmat mengakibatkan sistem keselamatan negara terancam. Penjenayah boleh dibebaskan dengan pujuk rayu dan menghulurkan wang yang setimpal. Hakim juga boleh dibeli keadilannya dalam penentuan hukuman ke atas kes mahkamah sehingga sistem perundungan negara tercalar.

Sektor-sektor pekerjaan seperti dalam industri pembuatan, perdagangan dan teknologi dipenuhi dengan individu-individu yang buta agama kerana orang-orang yang memahami agama terkumpul di dunianya sendiri dan tidak menguasai ilmu sains dan teknologi. Lihat sahaja contoh negara Amerika atau negara barat lain, ekonomi dan pembangunan teknologi mereka maju tetapi mereka rapuh dari sudut keperibadiannya. Mereka mampu menguasai alam tetapi mereka gagal menguasai diri dan nafsu. Mereka mampu membina empangan air dan mengawal lalu lintas udara tetapi mereka tewas dengan pangkat, kuasa dan harta yang bertimbun.

Selain itu, pengabaian aspek rohani dalam diri dan tiada penerapan nilai-nilai akhlak Islamiah pada peringkat awal pendidikan akan membawa kesan yang buruk terhadap bakal pimpinan dan pentadbir negara pada masa akan datang khususnya kepada sektor pentadbiran, kerana mereka telah melalui alam pendidikan tersebut. Dewasa ini, terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh mereka yang memusuhi Islam terutamanya dalam menjatuhkan sesebuah negara Islam.

Sebagai contoh, dalam konteks negara kita Malaysia, telah wujud Suruhanjaya Kebebasan Agama iaitu suruhanjaya yang dicadangkan penubuhannya seperti sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesetengah agama. Selain itu, wujudnya Sister in Islam yang sering menimbulkan kontroversi kepada masyarakat Islam di negara ini. Persoalan yang ingin ditimbulkan ialah, apakah peranan pemimpin dan pentadbir kita? Jika sesebuah negara itu ditadbir oleh pemimpin yang sekular iaitu mengasingkan agama daripada politik, tidak mempunyai prinsip-prinsip Islam yang kukuh seperti berilmu, adil, amanah dan bertanggungjawab, maka kesannya ialah, segala usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu ini dikuatir akan menyebabkan orang yang memusuhi Islam mencampuri hal ehwal agama Islam dan pentadbiran di negara ini.

Selain itu, apabila tunjang sesebuah pimpinan negara tidak kukuh dikhawatirinya pemerintahan seperti kapitalis dan sosialis akan mudah untuk menerobos masuk ke dalam pemerintahan negara. Pemerintahan kapitalis ialah pemerintahan yang menghalalkan riba dan spekulasi serta kezaliman sosial, manakala pemerintahan sosialis pemerintahan yang mengharuskan perbuatan memilikan negara dan penghasilan dengan atau tanpa hak (Dr. Yusuf al-Qardawi, 1995). Oleh itu, asas pendidikan berlandaskan Islam amat penting kerana ia bukan sekadar alat yang berbentuk fizikal dan material tetapi sebagai penyambung bagi melahirkan generasi pimpinan negara yang berlandaskan pemerintahan Islam.

PENUTUP

Kesimpulannya, pendidikan merupakan asas kepada ketamadunan sesebuah bangsa. Pendidikan seimbang yang mengikut fitrah kejadian manusia dapat mewujudkan tamadun yang melahirkan bangsa yang cemerlang. Oleh itu, pendidikan yang sebenar seharusnya merangkumi seluruh dimensi kehidupan insan. Falsafah pembangunan dalam Islam ialah memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada insan dalam kehidupan. Pembangunan itu hendaklah memenuhi komponen kejadian insan yang dibangunkan oleh unsur rohani, akal, emosi dan fizikal serta hendaklah bersifat seimbang dan bersepadan dalam erti kata tidak terlalu memberati pembangunan fizikal dan material sehingga melupakan kecemerlangan budi dan pemantapan budaya hidup manusia.

Teras pembangunan dalam Islam ialah Tauhid. Ini bererti, setiap susun atur dan perancangan pembangunan harus menepati konsep keabdian dan kehambaan kepada Tuhan. Sebarang bentuk pembangunan yang akan merobek dan merosakkan kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan insan, menjauahkan insan daripada melakukan pengabdian kepada Tuhan, memusnahkan akhlak dan nilai murni kehidupan, menyebabkan gangguan dan malapetaka alam, menghancurkan sistem kepercayaan, mengganggu pemikiran yang benar dan mengajak melakukan kejahatan harus ditolak dan ditentang kerana usaha dan gerak kerja itu tidak selari dengan falsafah pembangunan Islam.

RUJUKAN:

- Dr. Yusuf al-Qardawi (1995), *Fatwa Masa Kini Jilid 3 & 4*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Mohd Yusuf Ahmad (2004), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
Sabri bin Abd Ghani, *Pengaruh pendidikan Sekular-Liberal terhadap umat Islam*, diakses dari <http://gemaislam.net/artikel/PENGARUH%20PENDIDIKAN%20SEKULAR%20LIBERAL%20II.pdf>
Muhammad 'Uthman El-Muhammady, *Persoalan Sekularisme dalam Pendidikan dan Kesusasteraan*, diakses dari <http://www.geocities.com/traditionalislam/PersoalanSekularismeDlmPendidikanKesusasteraan.htm>,

Kashmir, *Sekularisme di Malaysia: Suatu Catatan*, diakses dari http://www.BicaraMuslim_com%20%20View%20topic%20-%20sekularisme%20malaysia.htm
Info Siasatan- statistik, diakses dari http://www.bpr.gov.my/cda/m_info/sta_main.php?year=2007